# MODUL PINTAS
# TINGKATAN LIMA

**1 JAM 15 MINIT**

**3756/1**

**PRINSIP PERAKAUNAN**
**Kertas 1**

**ARAHAN :**

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu**.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA : ..........................................................................................

TINGKATAN : ..................................................................................

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.



2715-E

1 Apakah badan perakaunan yang bertanggungjawab untuk menentukan garis panduan dalam penyediaan laporan kewangan?

A Institut Akauntan Malaysia (MIA)

B Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)

C Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

D *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA)

2 Kedai Siti telah merekodkan pembayaran utiliti RM950 dalam penyata kewangan termasuk bil internet belum dijelaskan RM90.

Apakah prinsip perakaunan dipatuhi?

A Ketekalan

B Entiti berasingan

C Usaha berterusan

D Pengiktirafan hasil dan belanja

3 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Najiha.

| |
|---|
| Najiha membawa masuk tunai RM5 200 ke dalam bank perniagaan sebagai modal tambahan |

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

A

| **Aset** | | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|
| Tunai (RM) | Bank (RM) | Modal (RM) |
| + 5 200 | | + 5 200 |

B

| **Aset** | | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|
| Tunai (RM) | Bank (RM) | Modal (RM) |
| | + 5 200 | + 5 200 |

C

| **Aset** | | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|
| Tunai (RM) | Bank (RM) | Modal (RM) |
| + 5 200 | | –5 200 |

D

| **Aset** | | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|
| Tunai (RM) | Bank (RM) | Modal (RM) |
| | + 5 200 | –5 200 |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

 Prinsip Perakaunan K1 Set 2 Selangor 2023

CamScanner

4 Apakah dokumen sumber bagi Kedai Kasut Arif?

A Sebut harga

B Katalog kasut

C Pesanan belian

D Slip daftar tunai

5 Apakah urus niaga yang akan direkodkan dalam Jurnal Am?

A Menerima cek bagi jualan tunai

B Ambilan barang niaga oleh pemilik

C Beli aset bukan semasa secara tunai

D Pulangan barang niaga kepada pembekal

6 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Maria.

**Buku Tunai Runcit** (petikan)

| Tarikh | Butir | Fol. | Debit | Kredit | Analisis Pembayaran | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Pos | Tambang | Alat tulis | Belanja am |
| 2023 | | | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| April 1 | Sampul surat | | | 18 | | | | |

Apakah lajur analisis pembayaran yang betul untuk merekodkan pembelian sampul surat?

A Pos

B Tambang

C Alat tulis

D Belanja am



CamScanner

7 Lejar berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Marina.

**Akaun Belian**

| 2023 | | RM | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Mei 3 | Akaun Belum Bayar: Kedai Aida | 2 800 | | | |

**Akaun Belum Bayar: Kedai Aida**

| | | | 2023 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Mei 3 | Belian | 2 800 |

Apakah urus niaga yang betul bagi perekodan lejar di atas?

**A** Kedai Aida membeli barang niaga secara tunai

**B** Kedai Aida membeli barang niaga secara kredit

**C** Kedai Marina membeli barang niaga secara tunai

**D** Kedai Marina membeli barang niaga secara kredit

8 Maklumat Akaun Kawalan berikut diambil daripada buku perniagaan Azhan Enterprise.

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

| 2023 | | RM | 2023 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Mei 31 | Diskaun diterima | 420 | Mei 1 | Baki b/b | 7 100 |
| | Pulangan belian | 650 | 31 | Belian | 3 100 |
| | Bank | 5 000 | | | |

Berapakah baki pada 1 Jun 2023 jika jumlah Jurnal Belian terkurang rekod RM500?

**A** Baki debit RM3 630

**B** Baki kredit RM3 630

**C** Baki debit RM4 630

**D** Baki kredit RM4 630



CamScanner

9 Senarai baki berikut diambil daripada buku perakaunan Rawsya Trading pada 30 September 2023.

| | RM |
|---|---|
| Modal | **P** |
| Ambilan | 2 300 |
| Premis | 20 500 |
| Akaun Belum Terima | 3 200 |
| Akaun Belum Bayar | 2 400 |
| Inventori | 6 730 |
| Diskaun diterima | 300 |

Berapakah nilai **P**?

**A** RM16 570

**B** RM25 430

**C** RM30 030

**D** RM35 430

10 Apakah kesan nilai inventori akhir yang tinggi kepada kos jualan dan untung kasar perniagaan?

I Kos jualan akan tinggi

II Kos jualan akan rendah

III Untung kasar akan tinggi

IV Untung kasar akan rendah

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV



CamScanner

11 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Buku Ternama.

| | RM |
|---|---|
| Untung kasar | 8 400 |
| Komisen diterima | 550 |
| Sewa diterima | 2 800 |
| Gaji | 3 600 |
| Angkutan keluar | 1 450 |

Berapakah untung bersih?

**A** RM1 100

**B** RM4 000

**C** RM5 600

**D** RM6 700

12 Antara berikut, manakah pernyataan yang betul berkaitan catatan penutupan?

I Akaun Angkutan Masuk dipindahkan ke Akaun Untung Rugi

II Akaun Diskaun Diberi dipindahkan Akaun Perdagangan

III Akaun Inventori dipindahkan ke Akaun Perdagangan

IV Akaun Gaji dipindahkan ke Akaun Untung Rugi

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV

13 Manakah pernyataan yang benar tentang pelarasan pada tarikh imbangan?

**A** Perakaunan asas akruan mengiktiraf hasil apabila tunai diterima

**B** Perakaunan asas tunai mengiktiraf hasil apabila tunai diterima

**C** Deposit kadar bayaran adalah liabiliti semasa perniagaan

**D** Sewa belum terperoleh adalah aset semasa perniagaan



CamScanner

14 Maklumat pelarasan berikut diperoleh daripada Perniagaan Deenda.

> Dividen sebanyak RM5 600 telah diterima bagi tempoh perakaunan tersebut. Jumlah ini termasuk RM600 untuk bulan April 2023.

Pilih catatan yang betul dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023.

**A** **Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023** (petikan)

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Dividen | 5 000 | | |

**B** **Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023** (petikan)

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Dividen | 5 000 |

**C** **Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023** (petikan)

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Dividen | 6 200 | | |

**D** **Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023** (petikan)

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Dividen | 6 200 |



CamScanner

**15** Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Salleh.

**Imbangan Duga pada 30 April 2023** (petikan)

| Butir | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Akaun Belum Terima | 25 300 | |
| Hutang lapuk | 400 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 460 |

**Maklumat tambahan:**

i. Hutang seorang pelanggan yang menghilangkan diri bernilai RM1 200 dihapus kira
ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima bersih

Apakah kesan pelarasan peruntukan hutang ragu terhadap Akaun Untung Rugi?

**A** Hasil bertambah RM251
**B** Hasil berkurang RM251
**C** Belanja bertambah RM263
**D** Belanja berkurang RM263

**16** Maklumat berikut adalah berkaitan pembelian lengkapan oleh Butik Suhana yang baru memulakan perniagaan pada tahun 2022.

| Butir | Tarikh pembelian | RM |
|---|---|---|
| Lengkapan A | 1 Januari 2022 | 15 000 |
| Lengkapan B | 30 Jun 2022 | 3 000 |
| Lengkapan C | 31 Disember 2022 | 4 800 |

**Maklumat tambahan:**

Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos

Berapakah susut nilai lengkapan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

**A** RM1 650
**B** RM1 690
**C** RM1 800
**D** RM1 840



CamScanner

**17** Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Syuhada pada 1 April 2022.

| | RM |
|---|---|
| Kenderaan | 85 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | 16 150 |

**Maklumat tambahan:**

i. Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

ii. Pada 31 Mac 2023, kenderaan dijual pada harga RM62 500

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan?

**A** Untung pelupusan RM535

**B** Rugi pelupusan RM535

**C** Rugi pelupusan RM6 350

**D** Untung pelupusan RM6 350

**18** Bilakah Imbangan Duga Terselaras disediakan?

**A** Selepas catatan penutupan

**B** Selepas mengambil kira semua pelarasan

**C** Selepas penyediaan Akaun Untung Rugi

**D** Selepas perekodan urus niaga ke dalam lejar



CamScanner

**19** Maklumat berikut diperoleh daripada Fareed Enterprise pada 30 Jun 2023.

| | RM |
|---|---|
| Aset bukan semasa | 12 400 |
| Inventori awal | 1 600 |
| Inventori akhir | 2 300 |
| Akaun Belum Terima | 4 200 |
| Tunai runcit | 350 |
| Overdraf bank | 2 600 |
| Sewa belum terima | 1 000 |
| Faedah overdraf bank belum bayar | 130 |

Berapakah modal kerja?

**A** RM5 120

**B** RM6 720

**C** RM14 520

**D** RM17 520

**20** Kesilapan berikut berlaku semasa Puan Zahida merekodkan urus niaga yang berlaku pada 3 September 2023.

| |
|---|
| Belian tunai barang niaga terkurang catat sebanyak RM100 dalam Buku Tunai dan Akaun Belian |

Apakah jenis kesilapan tersebut?

**A** Kesilapan prinsip

**B** Kesilapan komisen

**C** Kesilapan ketinggalan

**D** Kesilapan saling mengimbangi



CamScanner

21 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bahagia.

**Imbangan Duga pada 31 Mei 2023** (petikan)

| Butir | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Premis | 120 500 | |
| Penyelenggaraan premis | 2 300 | |

**Maklumat tambahan:**
Penyelenggaraan premis RM500 telah direkodkan dalam Akaun Premis

Pilih catatan yang betul dalam penyata kewangan selepas pembetulan dibuat.

**A**

**Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023** (petikan)

| | RM | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan premis | 2 300 | |

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023** (petikan)

| <u>Aset Bukan Semasa</u> | RM | |
|---|---|---|
| Premis | 120 500 | |

**B**

**Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023** (petikan)

| | RM | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan premis | 2 800 | |

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023** (petikan)

| <u>Aset Bukan Semasa</u> | RM | |
|---|---|---|
| Premis | 120 000 | |

**C**

**Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023** (petikan)

| | RM | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan premis | 2 300 | |

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023** (petikan)

| <u>Aset Bukan Semasa</u> | RM | |
|---|---|---|
| Premis | 121 000 | |

**D**

**Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023** (petikan)

| | RM | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan premis | 2 800 | |

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023** (petikan)

| <u>Aset Bukan Semasa</u> | RM | |
|---|---|---|
| Premis | 121 000 | |



CamScanner

22 Maklumat yang berikut berkaitan satu nisbah Perniagaan Leena.

| |
|---|
| Nisbah semasa 3:1 |

Apakah tafsiran yang betul bagi maklumat tersebut?

**A** Perniagaan mempunyai nisbah kecairan yang rendah

**B** Perniagaan tidak mampu menjelaskan hutang jangka pendek

**C** Setiap RM3 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai RM1 aset semasa untuk menjelaskannya

**D** Setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai RM3 aset semasa untuk menjelaskannya

23 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Choo.

| | RM |
|---|---|
| Modal pada 1 Januari 2022 | 33 600 |
| Modal pada 31 Disember 2022 | 38 900 |
| Ambilan sepanjang tahun 2022 | 4 200 |

Berapakah untung atau rugi yang diperoleh pada 31 Disember 2022?

**A** Rugi RM9 500

**B** Untung RM9 500

**C** Untung RM1 100

**D** Rugi RM1 100



CamScanner

**24** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Moothia yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

| | 1 Januari 2022<br>RM | 31 Disember 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima | 2 680 | 4 720 |

**Maklumat tambahan:**

i. Pulangan jualan RM300
ii. Hutang pelanggan RM220 dihapuskan
iii. Terima cek daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM3 760
iv. Jualan tunai RM1 220

Berapakah jumlah jualan Perniagaan Moothia?

**A** RM7 540
**B** RM6 320
**C** RM3 460
**D** RM1 220

**25** Syarikat Micco Sendirian Berhad menggajikan dua orang pekerja untuk melaksanakan tugas seperti berikut:

| Cik Kiera | Encik Kushairi |
|---|---|
| Menerima dan memegang tunai perniagaan | Merekodkan urus niaga tunai ke dalam perakaunan |

Apakah tujuan syarikat menggajikan dua orang pekerja tersebut?

**A** Untuk mengelakkan pembaziran wang
**B** Untuk memastikan syarikat mempunyai lebihan tunai
**C** Untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan tunai
**D** Untuk meningkatkan kecekapan mengurus tunai perniagaan



CamScanner

26 Kesilapan yang berikut dilakukan oleh kerani akaun Perniagaan Moleq dalam Buku Tunai.

> Cek berjumlah RM1 300 yang dikeluarkan kepada pembekal dicatatkan sebagai RM3 100

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Buku Tunai sebelum penyediaan Penyata Penyesuaian Bank?

**A** Debit RM1 800
**B** Kredit RM1 800
**C** Debit RM4 400
**D** Kredit RM4 400

27 Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Syatul bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2023.

> - Jualan tunai pada bulan Januari 2023 berjumlah RM45 000
> - Jualan tunai bulan berikutnya bertambah 10% daripada bulan sebelum

Berapakah jumlah jualan tunai bagi tiga bulan tersebut?

**A** RM135 000
**B** RM139 500
**C** RM144 000
**D** RM148 950

28 Antara berikut, manakah butir yang direkodkan di sebelah kredit Akaun Semasa pekongsi?

I Faedah atas ambilan
II Faedah atas modal
III Gaji pekongsi
IV Ambilan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV



CamScanner

**29** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Nazira dan Haizan. Nisbah pembahagian untung rugi pekongsi ialah 2:1.

| | **RM** |
|---|---|
| Untung bersih | 25 000 |
| Ambilan | 3 000 |
| Faedah atas ambilan | 600 |
| Faedah atas modal | 10 000 |
| Faedah atas pinjaman | 300 |

Berapakah pembahagian keuntungan yang diterima oleh pekongsi Nazira?

**A** RM5 200

**B** RM10 400

**C** RM12 200

**D** RM15 600

**30** Antara berikut, manakah butiran yang merupakan komponen ekuiti pemilik bagi perniagaan perkongsian?

I Ambilan

II Untung bersih

III Akaun Modal

IV Akaun Semasa

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV



CamScanner

**31** Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian AI.

**Akaun Realisasi**

| 2023 | | RM | 2023 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Jan. 31 | Alatan pejabat | 3 600 | Jan. 31 | Bank | 3 950 |
| | Inventori | 2 970 | | Modal Amir | 3 200 |
| | Akaun Belum Terima | 1 580 | | | |

**Maklumat tambahan:**
Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek RM2 800 dan menerima diskaun RM200

Berapakah untung atau rugi realisasi?

**A** Untung Realisasi RM800

**B** Rugi Realisasi RM800

**C** Rugi Realisasi RM1 200

**D** Untung Realisasi RM1 200

**32** Pilih catatan terbitan syer yang betul.

| | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| **A** | Permohonan Syer | Modal Syer |
| **B** | Bank | Permohonan Syer |
| **C** | Modal Syer | Permohonan Syer |
| **D** | Permohonan Syer | Bank |



CamScanner

**33** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Idaman Berhad.

**Syarikat Idaman Berhad**
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023** (petikan)

| | | |
|---|---|---|
| | Ekuiti Pemilik | **RM** |
| | Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh | |
| | **Q** | 800 000 |
| | 500 000 unit Syer Biasa | 500 000 |
| | | 1 300 000 |

Apakah **Q**?

**A** 400 000 unit 8% Syer Biasa

**B** 400 000 unit 8% Syer Keutamaan

**C** 400 000 unit Syer Biasa, RM2.00 sesyer

**D** 400 000 unit Syer Keutamaan, RM2.00 sesyer

**34** Pada 1 Januari 2022, Syarikat Damai Berhad telah menerbitkan 500 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 800 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Januari 2022. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah dividen interim yang dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan pada 31 Julai 2022?

**A** RM30 000

**B** RM35 000

**C** RM55 000

**D** RM60 000



CamScanner

35 Apakah perbelanjaan modal bagi Kelab Tenis Puncak Alam?

**A** Belanja mesyuarat

**B** Belian alatan sukan

**C** Elaun jurulatih tenis

**D** Derma untuk pembinaan gelanggang

36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Memanah Aman Perdana.

| | **1 Januari 2022**<br>**RM** | **31 Disember 2022**<br>**RM** |
|---|---|---|
| Yuran Belum Terima | 500 | 350 |
| Yuran Belum Terperoleh | 450 | 200 |

**Maklumat tambahan:**

i. Jumlah yuran yang diterima bagi tahun 2022 ialah RM10 600 termasuk yuran belum terima 2021 sebanyak RM350

ii. Yuran tahun 2021 yang masih belum diterima bagi tahun tersebut hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk

Berapakah jumlah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

**A** RM10 500

**B** RM10 650

**C** RM10 700

**D** RM10 850



CamScanner

**37** Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Badminton Bukit Tinggi.

| | RM |
|---|---|
| Untung kafeteria | 5 650 |
| Yuran ahli | 5 000 |
| Hadiah pertandingan | 3 400 |
| Yuran pertandingan | 5 200 |
| Bayaran penyelenggaraan | 1 550 |
| Utiliti | 900 |
| Honorarium | 2 000 |

Berapakah lebihan atau kurangan bagi Kelab Badminton Bukit Tinggi?

**A** Lebihan RM2 350
**B** Lebihan RM8 000
**C** Kurangan RM2 350
**D** Kurangan RM8 000

**38** Antara berikut, manakah butir yang diambil kira dalam pengiraan belanja langsung dalam Akaun Pengeluaran?

I Belanja utiliti kilang
II Bahan api
III Royalti
IV Paten

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV



CamScanner

39 Maklumat berikut diperoleh daripada Perusahaan Segar yang mengeluarkan makanan sejuk beku.

| | RM |
|---|---|
| Bahan langsung | 40 000 |
| Sewa kilang | 2 000 |
| Buruh langsung | 15 000 |
| Buruh tak langsung | 5 000 |
| Kerja dalam proses awal | 3 000 |
| Kerja dalam proses akhir | 5 500 |
| Inventori barang siap | 8 500 |

Berapakah kos pengeluaran bagi Perusahaan Segar?

**A** RM53 500
**B** RM59 500
**C** RM68 000
**D** RM70 500

40 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Perusahaan Jus Lazat.

| | RM |
|---|---|
| Kos Tetap | 18 000 |
| Kos Berubah Seunit | R |
| Harga Jualan Seunit | 7 |

Titik pulang modal bagi pengeluaran jus ialah 6 000 unit.

Berapakah nilai R?

**A** 2
**B** 3
**C** 4
**D** 5

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



CamScanner